

BIDASAN KEPADA FAHAM TAK BERTUHAN

SUATU CERITA YANG MEMBAWA ALIRAN MERAH

Sekalipun bukan pada tempatnya di dalam majalah ini untuk memberi ulasan-ulasan buku-buku cerita atau cerita pendek tetapi oleh kerana perkara yang kita bentangkan di bawah ini, menurut pandangan kita, menjadi suatu perkara yang patut diambil berat oleh masyarakat kita dengan kerana ia akan meracun dan akan memupukkan suatu cara yang berlawanan dengan pengajaran tiap-tiap agama dan juga dengan terang membawa aliran-aliran orang-orang yang tidak bertuhan atau pun aliran-aliran yang membanyakkan kepada mengagung-agungkan kebendaan atau pun soalah-olahnya anasir-anasir cara “persekedudukan” di negara-negara merah yang memandang bahawa apabila seseorang lelaki dan seseorang perempuan bersetuju di antara satu sama lain boleh bersekedudukan dengan tidak payah bernikah lagi-suatu cara yang dikehendaki oleh anasir yang tersebut itu.

Pengertian suci?

Di dalam keluaran sebuah akhbar mingguan di Singapura bertarikh 30 November 1952 ada meletakkan suatu cerita pendek di bawah tajuk “pengertian suci” yang ditulis oleh seorang yang menamakan “Ruhi Hayat” yang di dalam cerita itu pada mulanya merencanakan suatu surat kepadanya daripada seseorang yang bernama Bakri yang di dalam surat itu menyatakan sebab-sebab yang ia terhalau daripada kampung ialah kerana – “aku dipulaukan oleh masyarakat tegasnya dengan secara tidak langsung aku “dihalau” oleh masyarakat kerana aku dianggapnya kotor, bernoda dan tidak suci. Akan (aku?-P) dituduh kotor bernoda dan tidak suci sebab diri tidak akan ku mengambil Rukiah menjadi isteriku bersekedudukan denganku sebagai suami isteri dengan tidak berjijab qabul aku berzina kata masyarakat”.

“Alangkah zalimnya anggapan dan penghakiman masyarakat itu buang!” kemudian ia membandingkan kejadian itu dengan menyatakan:

“Apakah suci namanya seorang alim besar, seorang yang menggunung besar serbannya mengisterikan gadis-gadis sampai empat

orang sekali yang walau pun dengan ijab qabul tetapi dengan tidak persetujuan yang seikhlas-ikhlasnya dari hati kecil si gadis-gadis itu, cuma dengan kehendak ibu bapa mereka semata-mata yang mereka takutkan hendak membantahnya?”

Ia memandang perkahwinan yang sedemikian itu kekotoran dan bernoda dengan membandingkan yang demikian itu suatu kesalahan kepada masyarakat umum. Ia berpendapatan bahawa bersekedudukannya dengan suka sama suka dengan Rukiah itu adalah tidak berbeza dengan keadaan berjijab qabul itu dengan mengasaskan bahawa kahwinnya yang diperlukan di dalam itu ialah persetujuan di antara keduanya dan pengakuan itu memadai sebagaimana yang dilakukan oleh keduanya sahaja sedang saksi tidak berguna. Yang demikian itu tidak mustahak dan memadai dengan hanya menghebahkan dalam akhbar-akhbar atau iklan-iklan dan lain-lainnya. Segala langkah yang berjalan itu adalah berlaku kepada orang yang berjiwa dokmatik, berjiwa baku, tak mahu mengikut proses dan kehendak alam.

Kemudian tatkala menutup kepada keadaan surat yang dikirim itu pengarangnya menyatakan: “Suratnya itu tidakku jawab-jawab, kerana aku sedar bahawa sikap dan perdiriannya itu belum masanya akan mendapat tempat, masih terlalu awal lagi bagi

masyarakat hari ini di tanah air kita ini...”

Sekianlah kesimpulan daripada suatu cerita pendek yang patut kita terapkan di sini bagi mengambil suatu kesimpulan bahawa di dalam cerita pendek itu kalau diselidiki adalah membawa aliran kehendak-kehendak anasir hidup cara di dalam negeri merah dan anasir-anasir itulah yang dipandang oleh pengarangnya menurut pandangan kita... “Belum masanya akan mendapat tempat bagi masyarakat di tanah air kita ini.” Ertinya bahawa pada suatu masa menurut cita-cita itu aliran perkahwinan (atau lebih tepat persekedudukan di antara lelaki dengan perempuan) itu akan sampai ke mari dengan cara apabila seseorang perempuan suka kepada seseorang lelaki-tidak payah lagi berijab qabul (mengikut syarat-syarat perkahwinan yang ada di dalam semua agama) mereka boleh duduk sahaja begitu dengan kerana “mengikut keadaan zaman” dan keadaan zaman sedemikian itu seolah-olahnya sama dengan keadaan zaman haiwan pada hal semua agama meletakkan suatu cara perkahwinan sekalipun agama majusi supaya tertentu tanggungjawabnya diketahui oleh orang ramai dan beberapa banyak lagi perkara-perkara yang menjadi masuliyah di antara kedua-dua mereka itu

Pandangan yang kita beri di atas ini adalah suatu pandangan umum kepada perkahwinan yang dilakukan oleh semua agama. Dikecualikan bagi orang-orang Komunis dan pada segi agama islam adalah terbentang dengan nyatanya sebab-sebab mengapa diadakan perkahwinan dengan cara ijab dan qabul dengan bertambah kepada beberapa syarat lagi yang gunanya untuk membawa kehormatan kepada kedua-dua belah pihak dan dengan ketentuan yang demikian itu baharulah terselamat kepada kita hal-hal dalam kehidupan kita itu.

Selain daripada itu di dalam imbasan penulisan itu dapat kita bentangkan lagi kebenciannya terhadap perkahwin lebih daripada seorang itu lebih tepat kebencian kepada ayat yang menentukan atau yang mengharuskan tiap-tiap seorang boleh berkahwin sehingga empat dengan syarat jika mereka itu

tak dapat menjalankan keadilan maka diutamakan hendaklah berkahwin kepada seorang sahaja dan disebalik itu islam menegah melakukan perzinaan yakni “Sesudah mempunyai seorang isteri (yang berijab qabul) kemudian di luar rumah mencari orang “suka sama suka” untuk memuaskan kehendak syahwat.”

Maka dengan perbuatan yang demikian adalah itu yang dikatakan perbuatan daripada “pengertian suci” atau adalah itu pekerjaan suci-kita faham bahawa barangkali kesucian yang demikian itu ada di tanah Rusia – tidak ada di negeri-negeri Islam yang lain bahkan seseorang yang menggelar atau tidak percaya kepada hukum-hukum yang tersebut maka mereka ialah daripada orang-orang yang malhad atau dengan terangnya bukan lagi seorang Islam.

Di dalam masa darurat di dalam negeri kita ini maka musuh yang utama bagi tanah jajahan ini ialah fahaman-fahaman komunis itu. Anasir-anasir ini membawa fahaman mereka dengan berbagai-bagai cara-cara yang zahir tentu akan payah oleh kerana pihak pentadbiran boleh menghalangi – ada kuasa menghalangnya tetapi menggembirakan cara kehidupan pergaulan persekedudukan sebagaimana yang tersiar itu dan pada angan-angan penulisan.”...masanya akan sampai bertempat di masyarakat kita”. Seolah-olahnya menghendaki bahawa ia bercita-cita cara persekedudukan bagaimana persekedudukan yang kita faham daripada anasir merah itu tetapi akan menunduki Malaya ini dan akan memaksakan suatu bentuk yang demikian itu apabila kekuasaan-kekuasaan Mirat tiba di Malaya nanti.

Oleh sebab yang demikian maka kita berharap supaya pihak pentadbiran menghalusi dengan saksama segala langkah-langkah anasir-anasir itu sama ada di dalam cerita-cerita atau di dalam lainnya yang terutamanya akan dimasukkan perasaan tidak bertuhan itu ke dalam jiwa belia-belia kita yang tidak berpengetahuan agama yang nanti akan menambah menjadi pengikut-pengikut kepada kehendak-kehendak anasir itu adanya.